



## HIBAH MELALUI KHIDMAT SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS) BAGI PESAKIT COVID-19 DALAM KEADAAN *MARAD AL-MAWT* MENURUT PERSPEKTIF SYARAK DAN PERUNDANGAN ISLAM

### HIBAH USING SHORT MESSAGE SERVICE (SMS) FOR COVID-19 PATIENTS IN *MARAD AL-MAWT* CONDITION ACCORDING TO *SHARA'* AND ISLAMIC PERSPECTIVE

<sup>1,2\*</sup> Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>3</sup> Mohd Radzniwan A Rashid, <sup>1</sup> Syahirah Abdul Shukor<sup>3</sup>,  
<sup>1,2</sup> Lukman Abdul Mutalib, <sup>1,2</sup> Ahmad Syukran Baharuddin,  
<sup>1</sup> Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh, <sup>4</sup> Norma Jusof, <sup>1,2</sup> Zulfaqar Mamat,  
<sup>1</sup> Mohamad Aniq Aiman

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary, Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan

<sup>4</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia

\*Corresponding author. E-mail: [wanfattah@usim.edu.my](mailto:wanfattah@usim.edu.my)

#### ABSTRACT

Short Message Service' or 'SMS' (Short Message Service) is an online method of communication that is no stranger to the day. Now not only 'SMS', even various other forms of online communication arise such as such as WhatsApp, Telegram, Messenger WeChat, Instagram and many others. In addition to providing convenience in the relationship even though the distance is thousands of miles, 'SMS' also has an impact on the law in certain cases. Among the questions that arise is the acceptance of hibah made by 'SMS' for those suffering from COVID-19 at the level of *Marad al-Mawt* according to Islamic law. This article explored the concept of 'SMS' as an electronic document and its power in proof in a grant-related case by a COVID-19 patient in a *Marad al-Mawt* situation. In addition to tracing the concept of *Marad al-Mawt* and its conditions according to fiqh and legislation, this article will also link it to COVID-19 and 'Terminal Disease' according to modern medicine. This article will indirectly answer the legal question about the necessity of making hibah by COVID-19 patients in *Marad al-Mawt* condition.

*Keywords: Hibah, COVID-19, Marad al-Mawt, Short Message Service, Terminal Diseases*

#### ABSTRAK



'Sistem Pesanan Ringkas' ataupun 'SMS' (Short Message Service) merupakan kaedah perhubungan secara atas talian yang tidak asing lagi pada hari. Kini bukan setakat 'SMS', bahkan pelbagai bentuk lagi perhubungan secara atas talian timbul seperti tumbuhnya cendawan selepas hujan misalnya WhatsApp, Telegram, Messenger WeChat, Instagram dan seumpamanya. Selain memberi kemudahan dalam perhubungan di antara sekalipun jaraknya beribu batu, 'SMS' turut memberi impak terhadap hukum dalam kes-kes tertentu. Antara persoalan yang timbul ialah penerimaan hibah yang dibuat secara 'SMS' bagi mereka yang menghadapi penyakit COVID-19 di tahap *Maraḍ al-Mawt* menurut dalam perundangan Islam. Artikel ini akan merungkaikan konsep 'SMS' sebagai dokumen elektronik dan kekuatannya dalam pembuktian dalam kes berkaitan hibah oleh pesakit COVID-19 dalam situasi *Maraḍ al-Mawt*. Selain menelusuri konsep *Maraḍ al-Mawt* dan syarat-syaratnya menurut fiqh dan perundangan, artikel ini juga akan mengaitkannya COVID-19 dan 'Penyakit Terminal' menurut perubatan Modern. Artikel ini secara tidak langsung akan menjawab persoalan hukum tentang keharusan membuat hibah oleh pesakit COVID-19 dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt*.

**Kata kunci:** Hibah, COVID-19, *Maraḍ al-Mawt*, Sistem Pesanan Ringkas, Penyakit Terminal

## Pendahuluan

'Sistem Pesanan Ringkas' ataupun 'SMS' adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan melalui telefon bimbit untuk mengirim atau menerima pesanan pendek. Pada mulanya 'SMS' dirancang sebagai sebahagian daripada spesifikasi rangkaian 2G (GSM), tetapi pada masa sekarang, perkhidmatan ini ditawarkan oleh jaringan-jaringan mobil lainnya termasuk rangkaian Sistem Telekomunikasi Mudah Alih Sejagat (UMTS) (Wikipedia.org, 2020). Penggunaan 'SMS', WhatsApp, Telegram, Messenger WeChat, Instagram dan seumpamanya bukanlah suatu asing pada hari ini. Pelbagai lagi komunikasi digunakan dalam organisasi bagi memastikan komunikasi dapat berlangsung dengan baik dan seterusnya membantu organisasi melaksanakan kegiatannya.

Selain menjadikan 'SMS' sebagai alat pengganti diri, seolah-olah berkomunikasi secara bersemuka, ia juga mempunyai implikasi-implikasi yang lain termasuklah dalam aspek hukum. Kerana prinsip fiqh ada menyatakan "kenyataan secara bertulis adalah sama hukumnya dengan kenyataan secara lisan". Tulisan bukan hanya merujuk secara tradisional dengan hanya mengguna pen dan kertas, bahkan tulisan secara elektronik seperti 'SMS' juga memberi impak yang sama. Aspek hukum yang dimaksudkan termasuklah kesan hibah harta oleh seseorang melalui pesanan ringkas dengan menggunakan kemudahan elektronik seperti mana yang terdapat pada hari ini.

Coronavirus (CoV) atau COVID-19 adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV) (CDC, 2020). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (WHO, Corona Virus, 2020). Pada asalnya, ia dinamakan sindrom respiratori akut teruk iaitu coronavirus 2 (SARS-CoV-2) kerana *phylogenetic* dan kesamaan klinikal dengan Sindrom Pernafasan Akut Teruk coronavirus. Ia pernah juga digelar sebagai "2019 Novel Coronavirus", "Wuhan Coronavirus" dan "2019-nCoV". Walau bagaimanapun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memperkasakan namanya kepada COVID-19 pada 13 Februari 2020 supaya ia mudah dirujuk terutama bagi tujuan penyelidikan dan memudahkan penyelenggaraan kes. Penyakit ini sangat berbahaya kerana ia boleh mengakibatkan kematian. Jumlah kes yang semakin meningkat menggusarkan penduduk seluruh dunia. Paling merunsingkan apabila ia diisytiharkan sebagai



pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang pada mulanya ia dianggap penyakit biasa seperti influenza yang mudah dijangkiti.

Wabak ini dilaporkan bermula dari beberapa buah pasar basah di Wuhan, China di mana diberitakan berasal daripada haiwan eksotik yang dijual di sana. Umum mengetahui tabiat kaum Cina yang gemar makan haiwan eksotik tak kira di mana mereka berada sama ada di barat atau di Asia tengah. Namun begitu terdapat spekulasi mengatakan ia berasal daripada makmal haiwan eksotik yang berdekatan di wilayah Wuhan. Dilaporkan kes pertama bermula pada 31 Disember 2019 di Wuhan, China (Jiaye L, *et al.*, 2020). Walau bagaimanapun amaran dikeluarkan tentang mudahnya kes ini merebak hanya pada awal Januari oleh pihak China. Kelewatan pemberitahuan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kepada dunia disebabkan sikap endah tak endah dan memandang ringan tentang potensi mudahnya kes merebak. Hal yang demikian menyebabkan kes telah “keluar” daripada pusat wabak ke negara luar melalui kegiatan pelancongan, pendidikan mahupun hal kerja. Disebabkan itulah kes COVID telah menular ke negara berdekatan terutama Korea dan Jepun dalam tempoh masa yang sama. WHO telah mengeluarkan peringatan *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) pada akhir Januari 2020 dan seterusnya mengisytiharkan pandemik pada 11 Mac 2020 akibat kenaikan kes yang sangat ketara dan cepat dalam masa yang singkat (Cable News Network, 2020; WHO, 2020).

## Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Dan Kekuatannya Dalam Pembuktian Hibah Bagi Pesakit COVID-19 Dalam Keadaan *Maraḍ Al-Mawt*

### a) Konsep Dokumen Menurut Fiqh Dan Perundangan Islam

Pada asasnya dokumen ada dua bentuk iaitu dokumen biasa dan dokumen elektronik. ‘Sistem Pesanan Ringkas’ ataupun ‘SMS’ merupakan salah satu bentuk dokumen elektronik. Para ulamak memberi pelbagai definisi dokumen, namun kebanyakan definisi-definisi ini tidak bertepatan dengan suasana kemudahan yang semakin berkembang pesat yang terdapat hari ini. Hasil pengamatan yang telah dibuat dokumen boleh ditakrifkan sebagai: “*Menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan atau lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik seperti menggunakan kertas, kayu dan seumpamanya atau secara moden seperti penggunaan disket, cakera padat, internet dan seumpamanya*”. (Al-Qarrāfi, 2001, Ibn al-Qayyīm, 2007, al-Dhimiyyāfi, 1993, al-Jurjānī, 2000; al-Farāhīdī, t.t).

Dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, dokumen ditakrifkan dengan skop yang agak luas iaitu:

*apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain; (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak); (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain; (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan*



atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan, hal itu;

Dari segi amalan di Mahkamah Syariah, tidak terdapat peruntukan khusus berkaitan dokumen elektronik. Namun perkataan “elektronik” yang disebut dalam seksyen 3(c) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 membuktikan catatan secara elektronik juga dikategorikan sebagai dokumen. Kenyataan ini dikukuhkan lagi seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 secara jelas menganggap komputer sebagai keterangan primer: “*Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer*”. Seksyen ini dapat menguatkan lagi dakwaan bahawa Mahkamah Syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian. Oleh kerana itu, Ismail (2006) mentakrifkan dokumen elektronik sebagai:

*“sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan”. Sumber bahan bukti elektronik dan digital ialah seperti chip VLSI, SDD, hard disk, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pegimbas, CD, DVD, VCD, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi”.*

Sekalipun pada awalnya berlaku perselisihan di kalangan ulama’ berkenaan penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian, namun kini ia telah menjadi kaedah pembuktian yang paling utama dalam semua kes termasuklah mal dan jenayah. Penerimaan dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian berdasarkan nas-nas umum daripada al-Qurān, Hadīth dan amalan para sahabat ra. Firman Allah SWT:

*Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.*

(Surah al-Baqarah, 2: 282)

Di dalam ayat ini secara jelas Allah SWT menyebut perintah dokumen (menulis) “*تَكْتُبُوهُ*” . Sekiranya dokumen tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian, apa gunanya Allah memerintahkan dokumen apabila transaksi hutang itu dibuat. Sabda Rasulullah SAW:

*“Tidak berhak seorang Muslim yang memiliki sesuatu yang (pantas untuk) diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis”.*

(Sahīh Muslim, 1997, hadīth no. 1627)

Hadis ini juga menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh umatnya menulis wasiat. Sekiranya penulisan wasiat itu suatu perkara yang tidak penting dan tidak berfaedah, maka sudah tentulah Rasulullah SAW tidak akan menyuruh kita berbuat demikian (Ibn al-Qayyīm, 2002). Selain itu, hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW pernah mengutus surat berserta cap rasmi kepada raja-raja termasuk di Rom dan Parsi yang bertujuan untuk menyeru mereka kepada Islam (al-Bukhārī, 1992; al-Māwardī, 1982).



Selain itu juga, dokumen juga di anggap satu *qarīnah* yang kuat dalam pembuktian seperti dokumen yang terdapat pada dinding. Imam Ahmad pernah diajukan pertanyaan: “ketika tentera Islam membuka Negara yang sebelumnya dikuasai tentera kafir, terdapat di pintu rumah atau tanah tertulis ‘*ini adalah diwakafkan*’, maka Imam Ahmad menjawab ia adalah benar kerana tulisan yang terdapat di situ merupakan satu *qarīnah* yang kuat” (Ibn al-Qayyīm, 2002). Kaedah fikah ada menyebut (الكتاب كالحطاب) dokumen sama dengan lafaz dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati (al-Zarqa’, 2007; Ibn ‘Ābidīn, 1995; al-Bahūti, 2000; Ibn al-Qayyīm, 2007).

Kesemua dalil-dalil di atas menunjukkan dokumen dapat dijadikan bahan bukti sama ia berbentuk tradisional atau elektronik. Ini kerana nas-nas adalah berbentuk umum, maka hibah melalui ‘Sistem Pesanan Ringkas’ ataupun ‘SMS’ (*Short Message Service*) yang dibuat dalam oleh pesakit COVID-19 yang dalam situasi *Maraḍ al-Mawt* adalah diterima sebagai kaedah pembuktian. Sekiranya ada pihak yang berpandangan dokumen di dalam nas-nas hanya merujuk kepada dokumen secara tradisional semata-mata, bermakna al-Quran tidak mengiktiraf kemodenan. Sedangkan Islam mengiktiraf kemodenan selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak.

## b) Dokumen Persendirian Dan Kekuatan Dalam Pembuktian

Namun perlu kita fahami bahawa terdapat dua kategori dokumen sama ada ia bersifat tradisional atau elektronik iaitu dokumen awam (rasmi) dan dokumen persendirian (tidak rasmi) sepertimana diperuntukkan dalam seksyen 57 dan 58 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Hibah secara dalam ‘Sistem Pesanan Ringkas’ ataupun ‘SMS’ ini boleh dikategorikan sebagai dokumen persendirian kerana tidak menepati syarat-syarat dokumen rasmi. Ini kerana dokumen rasmi perlu memenuhi tiga syarat, iaitu:

- i. Dokumen rasmi hendaklah dikeluarkan oleh penjawat awam atau pihak-pihak yang dilantik khas oleh pihak kerajaan.
- ii. Dokumen rasmi hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang mempunyai bidang kuasa yang khusus mengenai dokumen yang dikeluarkan.
- iii. Dokumen rasmi yang dikeluarkan hendaklah memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh undang-undang. (Uthmān Halīl, 1997: 347; Ahmad Ibrāhīm, 1928: 76; Al-Sanhūri, 1963, 2:132).

Oleh itu mana-mana dokumen yang tidak memenuhi ketiga-tiga syarat di atas maka ia dikategorikan sebagai dokumen persendirian termasuklah melalui ‘SMS’ yang mengandungi hibah yang dibuat dalam oleh pesakit COVID-19 dalam situasi *Maraḍ al-Mawt*. Maka mana-mana dokumen persendirian perlulah disahkan terlebih dahulu keasliannya sebelum ia dijadikan sebagai kaedah pembuktian.



## c) Pengesahan Dokumen Persendirian

Sebelum diterima dokumen persendirian dalam pembuktian, dokumen tersebut hendaklah disahkan keaslian terlebih dahulu. Menurut fiqh dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, terdapat beberapa kaedah untuk membuat pengesahan terhadap sesuatu dokumen termasuklah tandatangan iaitu melalui ikrar, saksi, sumpah dan pendapat pakar.

Para ulama bersepakat menyatakan bahawa 'Ikrar dan Kesaksian' merupakan kaedah pembuktian yang diguna pakai untuk semua kes sama ada melibatkan kes-kes mal atau jenayah atau melibatkan hak-hak Allah SWT dan juga hak-hak manusia. Ini bermakna 'SMS' yang mengandungi hibah yang dibuat dalam oleh pesakit COVID-19 yang dalam situasi *Marāḍ al-Mawt* juga dapat disahkan melalui ikrar dan syahadah. Ikrar dan kesaksian yang dilaksanakan mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan syarak. Walau bagaimanapun, kehujahan ikrar sebagai kaedah pembuktian khususnya soal kesahihan sesuatu dokumen sekalipun bersifat elektronik, ia hanya terhad ke atas pihak yang membuat pengakuan sahaja dan kesan di sebalik pengakuannya itu akan ditanggung oleh dirinya sendiri (*Al-Maūsū'ah al-Fiqhiyyāh*, 1997).

Manakala bilangan saksi bagi membuat pengesahan dokumen persendirian yang mengandungi 'SMS' hibah yang dibuat dalam oleh pesakit COVID-19 yang dalam situasi *Marāḍ al-Mawt* boleh disahkan oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua saksi perempuan atau seorang saksi lelaki dan sumpah plaintif. Kenyataan ini bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud:

*Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi.*

(Surah al-Baqarah, 2:282)

Sabda Rasulullah SAW:

*Sesungguhnya Rasulullah SAW menjatuhkan hukuman berdasarkan keterangan seorang saksi lelaki dan sumpah (Plaintif).*

(Sunan Abū Dāūd, t.th, hadīth no. 3610)

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, bilangan saksi bagi pengesahan dokumen termasuklah dokumen sekalipun bersifat elektronik agak umum iaitu dua orang saksi tanpa menyatakan lelaki atau perempuan, seperti mana dalam seksyen 56 (1):

*"Jika orang yang menyempurnakan sesuatu dokumen menafikan tulisan pada atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada dokumen itu".*



Namun peruntukan ini dihuraikan oleh seksyen 86 (4) dan (5):

86 (4) *“Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk membuktikan apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.”.*

86(5): *“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan”*

Selain ikrar dan kesaksian, ‘pendapat pakar’ juga salah satu kaedah untuk membuat pengesahan keaslian dokumen persendirian. Namun pada hakikatnya, terdapat pelbagai kes yang dapat dibuktikan melalui pendapat pakar antaranya kes-kes berkaitan dengan jenayah, muamalat, pengesahan keaslian dokumen, perubahan, nasab dan sebagainya (al-Zuhaylī, 1994). Kehujahan pendapat pakar bersandar kepada beberapa nas syarie antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 43 yang bermaksud:

*Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.*

(Surah al-Nahl 16:43)

Rasulullah SAW turut mengiktiraf pandangan pakar sebagaimana dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Sayidatina ‘Aisyah ra yang bermaksud:

*Pada suatu hari, Rasulullah SAW telah masuk menemui Aisyah dalam keadaan gembira yang jelas terbayang di wajah baginda: “Madjaz al-Madlaji baru sebentar memerhati Zaid dan Usamah, setelah menutup kepala dengan kaki mereka agar kelihatan. Setelah ia memerhatikan dan menilik kaki mereka, beliau berkata: kaki mereka mempunyai persamaan antara satu sama lain.*

(Sahih Muslim, 1997, hadith no. 1082)

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen:

Seksyen 33:

(1) *Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.*

33 (2) *Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*



Seksyen 56:

*(4) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (2) tidak mengenal pasti tulisan dan tandatangan pada dokumen itu sepenuhnya, maka tulisan dan tandatangan pada dokumen itu hendaklah disahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang pakar.*

*(5) Jika tulisan dan tandatangan pada dokumen itu telah disahkan oleh pakar-pakar, maka orang yang telah menyempurnakan dokumen itu adalah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu.*

Sumpah juga merupakan salah satu kaedah yang dapat digunakan dalam membuat pengesahan keaslian 'SMS' hibah yang dibuat dalam oleh pesakit COVID-19 yang dalam situasi *Maraf al-Mawt*. Sumpah ialah: "Suatu lafaz yang digunakan untuk menyatakan (mensabitkan) haknya terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah SWT atau sifat-sifatNya" (al-Zuhayli, 2007). Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka, karena itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.*

(Sunan al-Tirmizī, 1992)

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, sumpah merupakan kaedah terakhir digunakan untuk membuat pengesahan dokumen. Seksyen 56(6) memperuntukkan:

*"Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu, mengangkat sumpah, dan jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutanannya".*

Syarat sumpah telah dinyatakan secara jelas dalam Arahan 5 Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006, syarat-syarat Sumpah Syarie itu ialah:

*Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela, defendan tidak mengakui hak plaintif, pihak yang bertikai meminta Hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah, orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri, perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata, dan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hak yang boleh diterima ikrarnya.*



## Hukum Hibah Melalui Khidmat 'Sistem Pesanan Ringkas' ('SMS') Bagi Pesakit COVID-19 Dalam Keadaan *Maraḍ al-Mawt* Menurut Perspektif Syarak Dan Perundangan Islam

### a) Konsep *Maraḍ al-Mawt* Menurut Perspektif Syarak Dan Perundangan Islam

Dalam Perkara 1595 Majallah al-Āhkām al-'Adaliyyah, *Maraḍ al-Mawt* bermaksud penyakit pada kebiasaannya membawa kepada kematian. sakit di mana boleh melemahkan orang sakit daripada melihat maslahat (kepentingan) di luar rumahnya jika dia seorang lelaki, dan melemahkan daripada melihat maslahat (kepentingan) di dalam rumahnya jika dia seorang perempuan. Orang yang berada dalam situasi *Maraḍ al-Mawt* pada normalnya membawa kepada kematian. Seseorang itu dikira dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt*, jika pesakit itu mati dalam keadaan sedemikian sebelum berlalu masa satu tahun sama ada dia terlantar atas katil atau sebaliknya.

Walau bagaimanapun jika pesakit pada yang asalnya dikategorikan sebagai *Maraḍ al-Mawt* masih lagi hidup setelah berlalunya tempoh setahun, maka ia dikira sebagai orang yang sihat. Kenyataan ini bermaksud segala urusan dengannya sama seperti mana juga urusan orang sihat selagi sakit itu tidak terlalu berat dan tidak berubah keadaannya. Tetapi sekiranya penyakit itu bertambah berat dan keadaannya telah berubah dan dia mati dalam keadaan sedemikian, maka keadaan (daripada waktu berlaku perubahan sehingga kematiannya) sakit itu dianggap sebagai *Maraḍ al-Mawt*. Daripada definisi tersebut, perkataan *Maraḍ al-Mawt* mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Sesuatu penyakit itu yang menyebabkan kematian.
- ii. Kematian yang diakibatkan oleh sesuatu penyakit itu berlaku dalam masa satu tahun atau selepas masa satu tahun (dalam keadaan penyakit itu bertambah berat).
- iii. Sesuatu penyakit itu boleh membuat seseorang pesakit itu lupa atau lalai tentang kepentingan yang bersifat keduniaan. (Lajnah Mukawwānah, t.t. 1: 314; Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah. 1997)

Dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 "*Maraḍ al-mawt*" ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
  - (b) penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran;
  - (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
  - (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun.
- Peruntukan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 ini sebenarnya telah dimansuhkan daripada Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 nampaknya lebih jelas dan dapat mengelakkan kekeliruan.

Menurut *myhealth* (2020), Penyakit terminal pula ialah penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan tidak ada ubatnya, manakala kematian tidak dapat dihindari dalam waktu yang bervariasi mengikut potensi pesakit (Stuard & Sundeen, 1995). Penyakit terminal dianggap sebagai pesakit yang tiada harapan untuk pulih dan menanti kematian yang bakal berlaku bila-bila waktu. Contoh penyakit terminal adalah termasuk AIDS dan penyakit kanser. Kriteria Penyakit Terminal adalah penyakit tidak dapat disembuhkan, ke arah kepada kematian, Diagnosa perubatan adalah jelas dan tidak ada ubat untuk menyembuhkan. Prognosis yang negatif, Bersifat



progresif. Pesakit terminal ini akan mengalami dua bentuk kehilangan, pertama: Kehilangan yang nyata (*actual loss*) iaitu kehilangan orang atau objek yang tidak lagi dirasakan, dilihat, diraba. Contohnya kehilangan anggota tubuh, peranan, hubungan. Kedua, kehilangan yang dirasakan (*perceived loss*) adalah kehilangan yang sifatnya adalah kedukaan. Contohnya: kehilangan harga diri, percaya diri.

Secara umumnya, *Maraḍ al-Mawt* didefinisikan sebagai penyakit yang boleh menyebabkan seseorang meninggal dunia, sakit yang kebanyakannya membawa kepada kematian dan sakit itu juga boleh melemahkan seseorang (Radzniwan, 2020). Pesakit akan berfikir sahaja bilakah dia akan menemui ajal dan pandangan orang luar apabila melawat pesakit tersebut dia berpandangan bahawa pesakit itu dalam keadaan yang kronik. Bagi pesakit *Maraḍ al-Mawt*, tempoh mereka dalam keadaan sakit adalah kurang daripada setahun sama ada dalam keadaan terlantar di hospital, boleh berjalan dan sebagainya.

Penyakit terminal pula ditakrifkan sebagai penyakit yang tidak dapat diubati atau tiada ubat yang boleh menyembuhkannya kembali (Radzniwan, 2020). Penyakit terminal juga boleh ditakrifkan sebagai penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan tidak ada ubatnya, manakala kematian tidak dapat dihindari dalam waktu yang bervariasi mengikut potensi pesakit (Stuard & Sundeen, 1995). Kebiasaannya, kematian itu pasti bagi pesakit penyakit terminal walaupun pelbagai rawatan yang telah dilakukan untuk merawatnya.

Jika diamati secara mendalam terdapat persamaan bagi mengkategorikan penghidap COVID-19 sebagai *Maraḍ al-Mawt* atau penyakit terminal menurut fiqh dan perubatan moden jika pesakit berada di peringkat akhir. Kerana COVID-19 boleh membawa kepada maut kepada mereka yang menghidapi penyakit ini. Selain itu juga, pandemik sehingga kini pakar perubatan dan WHO masih lagi buntu untuk menemui sebarang penawar atau vaksin untuk merawat dan membasmi COVID-19. Syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak juga jelas dalam mengkategorikan penyakit *Maraḍ al-Mawt*. Begitu juga menurut pakar perubatan moden, menyatakan penyakit terminal pula ditakrifkan sebagai penyakit yang tidak dapat diubati atau tiada ubat yang boleh menyembuhkannya kembali.

Walaupun begitu pesakit COVID-19 mungkin akan berubah statusnya sebagai penyakit yang bukan membawa maut sekiranya ubat atau vaksin dapat ditemui. Begitu juga dengan penyakit-penyakit lain, sekalipun diisytiharkan sebagai *Maraḍ al-Mawt* atau penyakit terminal tidak semestinya status itu berkekalan. Mungkin suatu ketika penyakit tersebut akan di keluarkan dari senarai apabila penawarnya dapat ditemui. Jika pesakit COVID-19 itu pada pandangan pakar untuk sembuh itu tinggi, maka ketika itu belum dapat dikatakan sebagai *Maraḍ al-Mawt* atau penyakit terminal. Jika yang menghidapi COVID-19 dalam situasi yang agak kritikal pada pandangan pakar perubatan dan kebarangkalian untuk sembuh itu tipis maka ia boleh dikategorikan *Maraḍ al-Mawt* atau penyakit terminal.

Kritikal yang dimaksudkan ialah seperti pesakit itu telah lanjut usia, di samping mempunyai penyakit lain pesakit buah pinggang, pesakit asma dan *chronic obstructive airway disease*, obesiti, pesakit jantung dan pesakit kencing manis dan seumpamanya. Kenyataan ini menjelaskan tidak semua pesakit COVID-19 boleh dianggap *Maraḍ al-Mawt* atau penyakit terminal, bahkan ia bergantung kepada situasi dan pendapat pakar perubatan.



## b) Hukum Hibah Melalui Khidmat 'Sistem Pesanan Ringkas' ('SMS') Pesakit COVID-19 Dalam Situasi *Maraḍ al-Mawt*

Menurut Dr Muhammad al- Zuhaylī (1994): Para ulama berselisih pendapat mengenai pengakuan yang dibuat oleh seseorang dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt* termasuklah isu berkaitan dengan hibah. Pengakuan boleh terjadi sama ada melalui lisan atau secara dokumen, kerana kaedah fiqh ada menyatakan: (الكتاب كالخطاب) dokumen sama dengan lafaz dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati (al-Zarqā', 2007).

Dalam hal ini terdapat beberapa pandangan. Menurut jumhur ulamak (para sahabat r.a, tabiin dan para ulamak yang lain), pengakuan yang dibuat ketika keadaan *Maraḍ al-Mawt* termasuklah menghibahkan harta melalui 'SMS' hukumnya adalah sah menurut syarak selagi mana tidak menimbulkan tohmahan. Menurut Hanbalī pula, pengakuan yang dibuat oleh seseorang dalam situasi *Maraḍ al-Mawt* terhadap bukan ahli waris termasuklah hibah adalah tidak sah. Ini kerana perbuatan menghibahkan dalam situasi ini akan menimbulkan tohmahan, kerana menafikan hak ahli-ahli waris (al- Zuhaylī, 1994).

Setelah pengamatan telah dibuat, penulis sependapat dengan pandangan Muhammad al-Zuhaylī (1994) iaitu pendapat pertama merupakan pandangan yang *rājih*. Ini kerana status seseorang dalam situasi *Maraḍ al-Mawt* dikira sebagai keahlian sempurna sama ada untuk tubuh badannya dan juga hartanya seperti mana hibah. Yang paling penting semasa pengakuan dibuat ia telah memenuhi syarat-syarat pengakuan terutamanya tiada tohmahan yang timbul. Ibn Munzir menyatakan bahawa, "Secara ijmak ahli ilmu menyatakan pengakuan yang dibuat oleh seseorang dalam situasi dalam situasi *Maraḍ al-Mawt* kepada bukan ahli waris adalah diharuskan (al- Zuhaylī, 1994)". Maka secara tidak langsung menghibahkan harta dalam keadaan seseorang itu *Maraḍ al-Mawt* juga diharuskan.

Walaupun begitu, konteks tahap akal pesakit bagi *Maraḍ al-Mawt* juga perlu diambil perhatian yang serius. Jika penyakit pewakaf itu mengganggu kestabilan atau kewarasan akal pesakit, maka kesahan wakaf tersebut perlu dilihat semula. Jika jelas akalnya dalam keadaan baik maka, wakaf dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt* dianggap sebagai sah dan jika sebaliknya wakafnya terbatal. Kerana keadaan akal yang tidak stabil boleh mencatitkan sebarang tindakan yang dibuat oleh pesakit *Maraḍ al-Mawt* (Siti Mashitoh, 2017).

Kenyataan ini berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor dalam penghakiman kes *Mahdi bin Ab. Hamid lwn Iqwan bin Yahaya* menyatakan bahawa walaupun si mati mengalami strok sehingga ditahan di wad, namun mahkamah tidak mendapati adanya keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat kecacatan pada akal si mati semasa hibah dibuat. Oleh itu, mahkamah mensabitkan hibah yang dibuat kepada defendan oleh si mati dalam keadaan waras dan sedar. Meskipun kes tersebut berkaitan dengan permohonan membatalkan atau mengetepikan hibah, namun isi utama kes ini berkaitan dengan status dan tahap minda seseorang yang mengalami sakit *Maraḍ al-Mawt* (Siti Mashitoh, 2017).

Selain itu terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius. Misalnya tubuh badan yang lemah, kehilangan selera makan yang kritikal, bergantung kepada peralatan perubatan, ubatan-ubatan berterusan dan seumpamanya merupakan antara elemen penting *Maraḍ al-Mawt*. Seseorang itu juga pesakit *Maraḍ al-Mawt* jika berada dalam situasi tersebut tidak melebihi setahun. Jika melebihi dari setahun ia sudah dianggap sebagai sakit biasa. Dalam kes yang lain, sekalipun ia tidak berkait rapat dengan hibah, namun masih berkait dengan pindah milik harta yang merupakan salah satu elemen dalam pelaksanaan iaitu *Abdul Walid bin Dato Hj Abdul Rahim Gulam Rasool Shaikh & Ors*



*Ken Syariah Bibi binti Ibrahim Mysoory & Ors 2* Mahkamah telah berpuas hati bahawa elemen *Maraḍ al-Mawt* telah dipenuhi dan dibuktikan oleh perayu. Mahkamah memutuskan pindah milik saham si mati ketika *Maraḍ al-Mawt* tidak sah.

## Kesimpulan

Kekuatan dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian dalam kes untuk menghibahkan harta dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt* oleh pesakit COVID-19 melalui 'Sistem Pesanan ringkas' ('SMS') tidak dapat disangkal lagi. Kerana pembuktian melalui 'SMS' disokong dengan nas-nas syarie yang kukuh. Kita tidak sepatutnya menyempitkan maksudkan dokumen hanya merujuk kepada tulisan dengan hanya menggunakan pen dan kertas semata-mata. Kemudahan akan sentiasa berubah pada setiap masa yang kadangkala tidak tergambar dengan akal fikiran termasuklah penggunaan dokumen elektronik seperti mana pada hari ini. Mengehadkan dokumen kepada tulisan secara tradisional akan menyekat keredahan dan menyukarkan kehidupan manusia serta ia berlawanan dengan prinsip-prinsip syarak. Pesakit COVID-19 boleh dianggap sebagai penyakit *Maraḍ al-Mawt* seperti mana penyakit terminal apabila telah sampai ke tahap kritikal dan peluang untuk sembuh adalah tipis menurut pakar perubatan. Hukum hibah dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt* oleh pesakit COVID-19 melalui 'Sistem Pesanan ringkas' ('SMS') adalah harus sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dan perundangan. Syarat-syaratnya yang telah ditetapkan itu perlu dipatuhi bagi memastikan hibah yang dibuat tidak menyebabkan berlaku penafian terhadap ahli-ahli waris yang lebih berhak. Selain itu juga, status keaslian 'SMS' perlu benar-benar dipastikan dan disahkan oleh pakar terlebih dahulu sebelum diterima sebagai bukti bahawa hibah oleh pesakit COVID-19 dalam keadaan *Maraḍ al-Mawt* benar-benar berlaku.

## Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih Universiti Sains Islam Malaysia di atas sokongan yang diberikan melalui geran: "Modul Pelaksanaan Hibah Dalam Kes-Kes *Maraḍ al-Mawt* COVID-19 Dalam Kalangan Umat Orang Islam Di Malaysia" (PPPI/COVID19\_0120/FSU/051000/15920).

## Rujukan

- Al-Fairoūs Abādiy. Abū Tāhir Muhammad Ya'kub. (2005). Beirūt: Mu'asasah al-Risālah.
- Al-Kharshiy, Muhammad Abdullah al-Mālikiy. (t.t.). *Syarḥ Mukḥṭṣar Khalīl li al-Khārshiy*. Beirūt: Dār al-Fikr.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariā Mahyuddīn Yahyā bin Syarf. (1997). *Sahīh Muslim*. Beirūt: Dār Al-Ma'rifat.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariā Mahyuddīn Yahyā bin Syarf. (1986). *Tahrīr Alfaz al-Tanbīh*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Al-Syafie, Abū Abdullah Muhammad Idrīs. (1993). *Al-Umm*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syarbīnī. (1994). *Mughnī al-Muhtāj*. Beirūt. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Syarbīnī, Muhammad ibn Ahmad al-Khatīb. (1994). *Mughnī al-Muhtāj ila Ma'rifah ma'ani al-Fāz al-Manhāj*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syiraziyy, Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī. (t.t.). *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imām al-Syafie*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.



- Al-Tūsūliy, Abū Al-Hasan Alī bin Abdussalām. (1998). *Al-Bahjah fī Syarh al-Tuhfah*. Beirūt: Dār Al-Kutub Al-īlmiyyah.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (2007). *Syarh Al-Qawā'id Al-Fiqhiyyah*. Damsiyq: Dār Al-Qalam.
- Al-Zuhaylī, Muhammad, (1994). *Wasā'il al-Iṭḥbat fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah wa Mu'āmalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*. Riyādh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (2007). *Al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Damsiyq: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (2007). *Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Damsiyq: Dār al-Fikr.
- Abū Dāūd, Sulaimān bin al-Asy'ath. (t.t). *Sunan Abū Dāūd*. Beirūt: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Berita Harian (30 September 2020). Kematian Global COVID-19 melebihi 1 juta. <https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2020/09/736761/kematian-global-COVID-19-melebihi-1-juta>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Farlex (4 September 2020). medical-dictionary <https://medical-dictionary.thefreedictionary.com/death>
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukram bin 'Alī. (1992). *Lisān al-Arab*. Beirūt: Dār Sadir.
- Ibn Qudāmah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Maqdasiy. 1968. *Mughnī*. Al-Qāherah: Maktabah Al-Qāherah.
- Lajnah Mukāwwanah min 'Iddah Ulamā' wa Fuqahā' fi al-Khilāfah al-Uthmāniyyah. (t.t). *Majallah al-Ahkām al-Adliyyah*. Karachi: Nur Muhammad. 1: 314.
- Kes Abdul Walid bin Dato Hj Abdul Rahim Gulam Rasool Shaikh & yang lain vs Syariah Bibi binti Ibrahim Mysoory & yang lain*. Malaysia Law Journal (MLJ) 2, 1986, 211.
- Mohd Zamro Muda. (t.t). *Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia*". [http://E-Muamalat.Islam.Gov.My/Images/Pdf-Bahan-Ilmiah/Instrumen Hibah Wasiat.Pdf](http://E-Muamalat.Islam.Gov.My/Images/Pdf-Bahan-Ilmiah/Instrumen_Hibah_Wasiat.Pdf). 21 April 2020.
- Mustāfā, Ibrāhīm. (t.t.) *al-Mu'jam al-Wāsiṭ*. Al-Qāherah: Dār al-Da'wah.
- MyHealth (4 September 2020). <http://www.myhealth.gov.my/memahami-psikologi-pesakit-terminal/>
- Sarbey B. (2016). Definitions of death: brain death and what matters in a person. *J Law Biosci*. November;3(3):743–52. 10.1093/jlb/lsw054
- Siti Mashitoh Mahamood. (2017). *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu Ulasan Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang*. *Jurnal Kanun*. Dewan Bahasa Pustaka.
- WHO (1946). Preamble to the Constitution of the World Health Organization. WHO. New York. USA
- Wikipedia (5 Oktober 2020). Pandemik COVID-19 di Malaysia. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik\\_COVID-19\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia).
- Wikipedia (19 Disember 2020). *Sistem pesanan ringkas ataupun 'SMS' (Short Message Service)*. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sistem\\_pesanan\\_ringkas](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sistem_pesanan_ringkas)
- Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah. (1997). *al-Maūsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqaf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah.